

MRT hapus mimpi ngeri kesesakan Kuala Lumpur

MRT bakal mengubah hidup anda. Itu tajuk brosur yang diterima penulis ketika mengunjungi pejabat MRT atau MY Rapid Transit di Bandar Damansara, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Melalui projek mega itu penulis diberi gambaran fenomena baharu sistem pengangkutan awam akan mengalami perubahan besar dan ia turut mengubah kehidupan seharian warga kota selepas ia siap pada tahun 2017.

Ketika itu, pengangkutan awam akan menjadi lebih mudah dan mesra pengguna. Bilangan kereta masuk ke kawasan pusat bandar raya akan berkurangan dan kalau ada pun hanya teksi-teksi bandar sahaja.



Analisis
Oleh RADZUAN HASSAN
radzuan.hassan@kosmo.com.my

Malah Pengurus Publisiti dan Perhubungan Awam MRT Corp, Iza Sofia Kasbi berkata, selepas tahun 2017, generasi muda yang baru menamatkan pelajaran di universiti akan mengutamakan membeli rumah berbanding kereta selepas berkerjaya.

“Jika zaman kita, selepas dapat kerja mesti fikir hendak beli kereta bagi memudahkan urusan kerana pengangkutan awam tidak efisien di Kuala Lumpur. Selepas itu baru fikir mengenai rumah. Kita terpaksa beli walaupun harga kereta mahal.

“Bagi generasi selepas MRT nanti, mereka akan mengutamakan rumah terlebih dulu kerana mereka sudah ada MRT untuk membawa mereka di tempat kerja dan berjalan-jalan di bandar,” jelasnya bagi memberi gambaran mudah keberkesanan MRT pada masa depan.

Satu lagi kebaikan MRT dalam sudut ekonomi, gambaran mudah Iza Sofia ialah budaya mereka yang bekerja di pusat bandar akan lebih kerap keluar makan di luar atau membeli-belah pada waktu rehat tengah hari atau ketika habis bekerja dengan kemudahan yang disediakan oleh MRT.

“Satu lagi, MRT menggunakan sistem tiket bersepadu yang boleh digunakan untuk sistem

pengangkutan lain dan ia tidak membazir masa hendak beli tiket,” katanya.

Menurut Iza Sofia, perbandingan paling dekat ialah MRT di Singapura di mana lebih separuh penduduknya menaiki MRT setiap hari malah kalau tidak memiliki kereta pun kita boleh bergerak ke mana sahaja di republik itu.

MRT yang dilancarkan pada 8 Julai 2011 dikatakan pelengkap kepada sistem pengangkutan awam di negara ini terutama di Lembah Klang menjelang tahun 2017 melibatkan 31 buah stesen termasuk tujuh stesen bawah tanah.

Menurut Iza Sofia, MRT bakal menjadi tulang belakang kepada sistem pengangkutan di Lembah

Klang membabitkan 10 juta penduduk menjelang tahun 2020 dan ia merangkumi laluan yang menghubungkan LRT, Monorel, Komuter Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan laluan bas di dalam dan luar bandar raya.

Menurutnya, projek MRT bertujuan mengatasi masalah kesesakan trafik ekoran peningkatan jumlah penggunaan pengangkutan awam daripada 400,000 perjalanan kepada 2.5 juta perjalanan sehari.

Laluan MRT akan memudahkan perhubungan antara kawasan perumahan, pusat perniagaan, pusat komersial dan kawasan pekerjaan utama di koridor urban sekitar Lembah Klang atau lebih spesifik dari Sungai Buloh hingga ke Kajang.